



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2010
TINGKATAN EMPAT
PERDAGANGAN**

3755/1

**Kertas 1
Oktober
1 jam 15 minit**

SATU jam LIMA BELAS minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*

Disediakan oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611 6652 8601 Faks: 609-666 0611 0063


Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

1. Pernyataan yang berikut berkaitan dengan kehendak manusia.

"Kehendak manusia adalah berbeza"

Manakah yang berkaitan dengan pernyataan tersebut?

- A bebas bergerak tanpa gangguan
 - B Aini makan nasi lemak, Amin makan nasi dagang
 - C perlu untuk hidup lebih selesa
 - D mendapat rawatan kesihatan di klinik
2. Rajah di bawah ini menunjukkan Hierarki Keperluan Maslow.



X mungkin sekali ialah....

- I keperluan asas
 - II keperluan kasih sayang
 - III keperluan penghargaan
 - IV keperluan sempurna sendiri
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

3. Soalan 3 dan 4 berdasarkan maklumat yang berikut.

Setiu adalah kawasan penternakan ikan air tawar yang baru dibuka. Setiu terletak agak jauh dari bandar Kuala Terengganu. Oleh sebab itu, tidak ramai pelanggan dan pemborong yang mengunjungi tempat tersebut. Produk terpaksa dibawa sendiri ke bandar kerana pasaran yang lembab di kawasan tersebut.

Apakah aktiviti pengeluaran yang dijalankan di Setiu?

- A Ekstraktif
 B Perkilangan
 C Pengeluaran langsung
 D Perkhidmatan langsung
4. Antara yang berikut, manakah yang merupakan aktiviti perdagangan dalam petikan tersebut?
- A Pelanggan dan pemborong datang membeli ikan.
 B Ikan dihantar ke bandar untuk dipasarkan
 C Pengeluar memproses ikan untuk dijadikan keropok
 D Lokasi Setiu yang agak jauh menyukarkan aktiviti pemasaran.
5. Gambar di bawah ini menunjukkan beberapa jenis pekerjaan.



Apakah jenis pengkhususan yang terlibat?

- A pengkhususan mengikut proses
 B pengkhususan mengikut kawasan
 C pengkhususan mengikut profesion
 D pengkhususan perkhidmatan awam

6. Pernyataan yang berikut berkaitan suatu aktiviti.

Melibatkan pengagihan barang

- Daripada pengeluar kepada pengguna

Merupakan cabang pengeluaran

- Untuk memuaskan keperluan dan kehendak

Manakah aktiviti yang mempunyai ciri-ciri di atas?

- | | |
|---------------|----------------|
| A Perniagaan | C Pengkhususan |
| B Perdagangan | D Pemasaran |

7. Bagaimanakah perniagaan mampu menghasilkan keuntungan kepada peniaga?

- A membeli barang pada harga rendah dan menjual semula pada harga yang tinggi
- B membeli barang pada harga tinggi dan menjual semula pada harga yang rendah.
- C membeli barang daripada pembekal dan menjual semula barang tersebut kepada peruncit.
- D membeli barang daripada pengilang dan menjual semula barang tersebut kepada pemborong.

8. Pernyataan yang berikut berkaitan Syarikat Sweety Sdn. Bhd.

- Syarikat Sweety ingin memperkenalkan jus buah roselle keluaran terbaru syarikatnya
- Syarikat Sweety ingin melindungi aset perniagaannya daripada risiko kecurian dan kebakaran.

Manakah bantuan perniagaan yang diperlukan oleh Syarikat Sweety Sdn. Bhd.?

- A Promosi dan Pengangkutan
- B Promosi dan Insurans
- C Pengangkutan dan Insurans
- D Komunikasi dan Insurans

9. Antara yang berikut, manakah tujuan pengeluaran, perdagangan, dan perniagaan?
- A untuk memenuhi keperluan dan kehendak manusia
 - B untuk menjalankan perniagaan antarabangsa
 - C untuk mengagihkan barangan kepada pengguna
 - D untuk meningkatkan keuntungan
10. Pernyataan yang manakah menerangkan ciri peniaga?
- A Mengembangkan perniagaan secara kreatif
 - B Mementingkan khidmat kepada masyarakat
 - C Memiliki wawasan untuk memajukan perniagaan
 - D Melakukan aktiviti jual beli untuk mencari keuntungan
11. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri suatu bentuk perniagaan runcit.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Modal besar• Perkhidmatan layan diri• Beroperasi 24 jam tanpa pengawasan |
|--|

Apakah bentuk perniagaan runcit tersebut?

- A Pesanan mel
 - B Jualan Langsung
 - C Televisyen interaktif
 - D Mesin peruncitan automatik
12. Pernyataan yang manakah menunjukkan kelebihan jualan tunai kepada penjual?
- A Menambahkan aliran tunai
 - B Menarik lebih ramai pelanggan
 - C Memupuk sifat berjimat cermat
 - D Memudahkan penjualan barangan bernilai tinggi

13. Rajah di bawah ini menunjukkan sejenis barang pengguna.



Saluran agihan manakah yang sesuai untuk barang tersebut?

- A Pengeluar → Peruncit → Pengguna
 B Pengeluar → Ejen → Pengguna
 C Pengeluar → Pemborong → Pengguna
 D Pengeluar → Kerajaan → Pengguna
14. Antara yang berikut, manakah yang berkaitan dengan perniagaan dalam negeri?
- I melibatkan urus niaga import dan eksport
 II melibatkan urus niaga runcit dan borong
 III melibatkan urus niaga tunai atau cek
 IV menggunakan kredit berdokumen
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
15. Pernyataan di bawah ini adalah berkaitan dengan salah satu fungsi yang dijalankan oleh peruncit dalam saluran agihan.

Membaiki kerosakan barang dalam tempoh jaminan

Manakah fungsi yang dimaksudkan?

- A menjual pelbagai jenis barang
 B memberi perkhidmatan selepas jualan
 C melakukan kerja-kerja akhir
 D mendirikan premis berhampiran dengan rumah pelanggan

21. Saluran eksport yang paling sesuai untuk mengeksport model kereta terbaru buatan Malaysia ialah
- A eksport secara langsung
 - B eksport melalui ejen eksport
 - C eksport melalui gedung eksport
 - D eksport melalui pengembara perdagangan antarabangsa
22. Pernyataan yang berikut berkenaan sejenis dokumen perniagaan antarabangsa.

- Dokumen hak milik
- Boleh dicagar

Dokumen manakah yang mempunyai ciri tersebut?

- A Bil muatan
 - B Janji carter
 - C Nota perkapalan
 - D Bil perintah bayar
23. Antara masalah yang berikut, manakah yang paling sukar diatasi oleh para pengeksport?
- A perbezaan nilai mata wang
 - B sekatan dan prosedur kastam
 - C risiko kecurian dan kerosakan barang
 - D jarak yang jauh
24. Apakah maksud Industri Kecil dan Sederhana (IKS)?
- A industri berskala kecil dalam perkhidmatan langsung
 - B penghasilan bahan-bahan mentah kepada industri tempatan
 - C syarikat perkilangan yang mempunyai nilai jualan tahunan tidak melebihi RM25 juta dan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 150 orang
 - D tidak menikmati faedah pengkhususan dan pembahagian kerja
25. Apakah peranan utama Industri Kecil dan Sederhana dalam sesebuah Negara seperti Malaysia?
- I Meningkatkan daya saing kepada proses perindustrian negara
 - II Menambahkan jumlah industri yang wujud dalam negara
 - III Menjadi penyokong dan pelengkap kepada pembangunan sektor perindustrian
 - IV Mengurangkan penggantungan kepada barangan import
- A I, II dan III
 - B II, III dan IV
 - C I, II dan IV
 - D I, III dan IV

26.

- menghasilkan kerusi, meja dan almari
- menggunakan bahan mentah tempatan
- memasarkan keluaran melalui pihak ketiga

Pernyataan di atas menggambarkan kegiatan seorang usahawan IKS. Dalam bidang industri manakah beliau terlibat?

- A Industri berasaskan logam
- B Industri berasaskan sumber
- C Industri berasaskan plastik
- D Industri komponen automotif

27. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang terlibat dalam skim subkontrak ialah pengusaha

- A kraf tangan
- B pasu bunga
- C bateri kereta
- D makanan ringan

28. Antara berikut, pasangan yang manakah tidak benar?

	Entiti perniagaan	Maksimum bilangan ahli
A	Milikan tunggal	Seorang
B	Perkongsian	20 orang
C	Syarikat Sendirian Berhad	50 orang
D	Syarikat Umum Berhad	1000 orang

29. Maklumat yang berikut merupakan satu masalah IKS.

Barang yang dihasilkan bermutu rendah kerana tiada kawalan mutu

Masalah tersebut berkaitan dengan.....

- A modal
- B pemasaran
- C kekurangan bahan mentah
- D lokasi

30. Antara pasangan berikut, manakah yang tidak benar?

	Agensi	Fungsi
A	Majlis Amanah Rakyat	Latihan dan pengurusan
B	Bank Pembangunan Malaysia Berhad	Kewangan
C	Perbadanan Kemajuan Negeri	Pembangunan Infrastruktur
D	Jabatan Kemajuan Masyarakat	Pemasaran

31. Antara berikut, yang manakah benar tentang perkongsian?

- I Rakan kongsi menanggung liabiliti tidak terhad
- II Bilangan rakan kongsi sekurang-kurangnya 50 orang
- III Modal disumbangkan mengikut kadar yang ditetapkan dalam perjanjian
- IV Keuntungan perniagaan dibayar kepada rakan kongsi dalam bentuk dividen

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

32. Pentadbiran sesebuah syarikat sendirian berhad di kawal dan diuruskan oleh

- A pekerja syarikat
- B ahli lembaga pengarah
- C pemegang-pemegang syer
- D pemiutang-pemiutang syarikat

33. Apakah kelebihan Syarikat Awam Berhad berbanding Syarikat Sendirian Berhad?

- A Syarikat Awam Berhad mempunyai perundangan sendiri
- B Pemegang syer mempunyai kuasa mutlak melantik Ahli Lembaga Pengarah
- C Syer bebas dijual kepada orang ramai untuk menambah modal
- D Pemegang syer menanggung liabiliti terhad

34. Keistimewaan koperasi yang tidak terdapat pada milikan perniagaan yang lain ialah....

- A koperasi membayar dividen kepada ahli-ahlinya
- B tanggungan ahli-ahlinya adalah terhad
- C koperasi mengadakan mesyuarat agung tahunan seperti yang diperuntukkan dalam peraturan penubuhannya
- D koperasi ditubuhkan atas semangat kerjasama untuk kebajikan ahlinya

35. Bagaimanakah penswastaan berlaku?

- A Meningkatkan kualiti barang dan perkhidmatan kepada orang ramai
- B Memindahkan semua sektor kerajaan kepada sektor swasta
- C Menjadikan sektor swasta sebagai pemangkin dalam pertumbuhan ekonomi negara
- D Mengambil alih sebahagian pelaburan kerajaan dalam sektor tertentu oleh sektor swasta

36. Apakah yang dimaksudkan dengan pelaburan?

- A Menangguhkan penggunaan wang bagi membiayai perbelanjaan pendidikan anak-anak masa hadapan
- B Menangguhkan penggunaan wang pada masa sekarang untuk menukarkan hak milik barangan kepada wang tunai
- C Mendapatkan pulangan pada masa depan atas penangguhan penggunaan wang pada masa sekarang
- D Menyimpan wang dalam akaun buku simpanan semasa untuk menjamin masa depan Keluarga

37. Antara berikut, manakah yang **bukan** aktiviti pelaburan?

- A Membeli tanah sawah
- B Membeli barang kemas
- C Mewarisi perniagaan keluarga
- D Membuka akaun simpanan tetap

38. En. Amin telah membeli sebuah rumah bernilai RM150,000. Dia menyewakan rumah itu dengan kadar RM500 sebulan mulai 1 Ogos 2009. Pada 1 April 2010, dia telah menjual rumah itu dengan harga RM230,000.

Hitungkan jumlah pulangan yang diperoleh En. Amin atas pelaburan itu.

- | | |
|------------|------------|
| A RM84,000 | C RM84,500 |
| B RM84,440 | D RM90,000 |

39. Berikut adalah pernyataan mengenai individu yang terlibat dengan pelaburan.

Membeli dan menjual syer berdasarkan khabar angin

Siapakah individu tersebut?

- | | |
|-----------|--------------|
| A Broker | C Remiser |
| B Pelabur | D Spekulator |

40. Maklumat pelaburan boleh didapati daripada

- I Remiser
- II Syarikat pajakan
- III Broker
- IV Prospektus syarikat

- | | |
|-----------------|------------------|
| A I, II dan III | C I, III dan IV |
| B I, II dan IV | D II, III dan IV |

KERTAS SOALAN TAMAT